

16 JAN 2002

DR MAHATHIR AKAN LEPASKAN PELUMBA KEJOHANAN KART ROTAX MAX

LANGKAWI, 16 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melepaskan pelumba-pelumba peringkat akhir Kejohanan Kart Rotax Max di litar kart Morac di sini pada 27 Jan ini.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Mofaz Ahmad Tifli Talha berkata kehadiran Dr Mahathir akan memeriahkan lagi kejohanan itu, yang pertama kali diadakan di negara ini.

Langkawi dipilih menganjurkan Kejohanan Kart Rotax Max peringkat akhir itu bagi membawa lebih ramai pelawat ke pulau peranginan ini.

Kejohanan berprestij anjuran Mofaz Motorsport, Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Langkawi Motorsport Club (LMC) itu akan menyaksikan 78 pelumba dari 31 negara bersaing dalam pusingan kelayakan bagi memilih 40 pelumba beraksi pada peringkat akhir.

Sementara itu, pemandu utama pasukan Malaysia, Ferhan Fauzy, 24, berkata beliau dan empat lagi rakan sepasukan akan memberi tentangan hebat untuk mencapai kedudukan terbaik pada kejohanan itu.

Malaysia akan diwakili lima pelumba iaitu Ferhan, Raja Razman Raja Idris, Martin Druhan, Mahathir Ngaau dan Rodney Magness.

-- BERNAMA

ZI NH NAK